

NOTIS MAKLUMAN

PENGAPUNGAN DOKUMEN REQUEST FOR PROPOSAL BAGI PROGRAM BIDAAN TERBUKA LARGE SCALE SOLAR

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air melalui Suruhanjaya Tenaga akan melaksanakan program bidaan terbuka *Large Scale Solar* Pusingan Keenam (LSS6) di Semenanjung Malaysia dengan jumlah penawaran kuota sebanyak 2,650MW solar dan 1,250MW/6,000MWj sistem bateri penyimpanan tenaga (BESS). Program LSS6 ini akan dilaksanakan secara tiga (3) pakej seperti berikut:

- i. LSS6 – Hibrid Pakej 1: Pelaksanaan LSS + BESS tender terbuka kepada semua pemaju dengan kapasiti 2,200MW solar dan 1,100MW BESS;
- ii. LSS6 – Hibrid Pakej 2: Pelaksanaan LSS + BESS tender terbuka Bumiputera dengan kapasiti 300MW solar dan 150MW BESS; dan
- iii. LSS6 – Solar Pakej 3: Pelaksanaan Solar Bumiputera tanpa BESS dengan kapasiti sebanyak 150MW solar.

Suruhanjaya Tenaga mempelawa syarikat atau konsortium yang berpengalaman serta mempunyai keupayaan teknikal dan kewangan untuk membangunkan, membiayai dan mengendalikan projek ini supaya menyertai program berkenaan. Dokumen RFP akan dijual secara dalam talian di laman sesawang ST berdasarkan ketetapan berikut:

- i. LSS6 – Hibrid mulai **27 Julai 2026, jam 9.00 pagi hingga 7 Ogos 2026, jam 5.00 petang**, pada harga **RM20,000.00** bagi setiap dokumen.
- ii. LSS6 – Solar mulai **17 Ogos 2026, jam 9 pagi hingga 28 Ogos 2026, jam 5 petang** pada harga **RM5,000.00** bagi setiap dokumen.

www.st.gov.my

Terima kasih.

24 Julai 2026